

# PDRM gesa penuntut IPT sertai Suksis

UM (Khalid) Pabu  
18/5/11 ms 30

KUANTAN 17 Mei - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyeru penuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) negeri ini menyertai Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) yang dapat membentuk keperibadian serta sahsiah diri mereka.

Ketua Polis Pahang, Datuk Sharifuddin Ab. Ghani berkata, penglibatan itu secara tidak langsung mampu menyampaikan objektif, strategi dan mekanisme dalam membendung peningkatan kadar jenayah seterusnya memastikan keamanan negara.

"Perkara itu dinyatakan kerana pasukan itu akan menjadi mata dan telinga yang boleh dimanfaatkan bersama demi kesejahteraan serta kelangsungan ketenteraman di IPT," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pemakaian Pangkat Komandan dan

Perasmian Pejabat Kor Suksis Universiti Pahang Malaysia (UMP) di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus; Ketua Cawangan Khas Pahang, Datuk Riduan Hashim; Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, SAC T. Narena-sagaran dan Timbalan Komandan Kor Suksis, Mustafa Ibrahim.

Sejak penubuhan pasukan itu empat tahun lalu, UMP mempunyai 146 pelatih yang mana 24 pelatih ditauliahkan pangkat Inspektor Kor Suksis.

Dalam pada itu, Sharifuddin berkata, PDRM menasaskan lebih ramai kalangan penuntut universiti menceburkan diri dalam karier kepolisan sebaik sahaja menamatkan pengajian.



SHARIFUDDIN Ab. Ghani (kiri) menandatangani plak pelancaran pejabat Kor Suksis UMP sambil diperhatikan Dain Nasir Ibrahim di UMP, Gambang, Kuantan, baru-baru ini.